



## PENGGUNAAN GOOGLE SITE SEBAGAI MEDIUM PENGURUSAN DOKUMEN DALAM KALANGAN PELAJAR WBL DI PUO

Noraziah Hamid<sup>1</sup>, Mazziyatol Farizza Mat<sup>1</sup>, Seri Bunian Mokhtar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak

[aziahhamid1965@gmail.com](mailto:aziahhamid1965@gmail.com)

[mazziyatol@puo.edu.my](mailto:mazziyatol@puo.edu.my)

[mseribunian@gmail.com](mailto:mseribunian@gmail.com)

**Abstrak:** Pandemik COVID 19 telah mengubah sistem pendidikan serta pelaksanaannya secara menyeluruh dan aplikasi teknologi telah digunakan secara meluas dalam memudahkan urusan pengajaran dan pembelajaran. Justeru, kajian deskriptif ini bertujuan untuk melihat tahap penggunaan Google Sites sebagai medium pengurusan dokumen dalam kalangan pelajar WBL di PUO. Tahap penggunaan ini dilihat dari empat aspek iaitu Persepsi Kemudahan Penggunaan (*Perceived Ease of Use*), Persepsi kegunaan (*Perceived Usefulness*), Sikap Menggunakan Teknologi (*Attitude Towards Using Technology*) dan Niat Perilaku Untuk Menggunakan (*Behavioral Intention to Use*) terhadap penggunaan *Google Sites* dalam pengurusan dokumen yang disediakan kepada pelajar. Instrumen kajian adalah set soal selidik yang mengandungi 20 item berskala Likert. Responden terdiri daripada 30 pelajar semester 8 program Ijazah sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam, PUO. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Science (SPSS)* versi 21 untuk mendapatkan peratus dan skor min. Hasil analisis menunjukkan tahap penggunaan *Google Sites* sebagai medium pengurusan dokumen oleh pelajar memperoleh min keseluruhan yang tinggi. Pembelajaran berasaskan *Google Sites* yang dibangunkan memudahkan urusan penghantar dokumen sepanjang pelajar berada di industri. Jelas, *Google site* boleh digunakan sebagai satu medium perantaraan antara pelajar dan industri sepanjang tempoh pandemic.

**Katakunci:** *Penggunaan; Google Sites; Pembelajaran, E-learning.*


### 1. Pengenalan

Pandemik COVID 19 telah melanda dunia hampir 3 tahun. Walaupun kes COVID 19 kelihatan makin berkurang namun beberapa mutasi baharu COVID 19 masih wujud dan langkah-langkah berjaga-jaga masih harus diteruskan. Justeru, kerajaan cuba sedaya upaya dalam untuk mengekalkan atau pun menurunkan kadar ini. Kehadiran virus ini ditemui untuk kali pertama di Wuhan, China, dan telah merebak ke hampir setiap negara di dunia dan Malaysia menjadi salah sebuah daripada negara yang terkesan. Fenomena COVID-19 di seluruh dunia telah membawa pada satu era digital yang baharu dalam bidang pendidikan tanah air. Peralihan sistem pembelajaran secara bersemuka kepada kaedah dalam talian dilihat dapat membantu kelangsungan sistem pendidikan negara. Pelaksanaan pembelajaran maya atau dalam talian merupakan salah satu model pembelajaran yang dijalankan semasa pandemik, ini didorong oleh prinsip dasar pendidikan semasa pandemik Covid-19 ialah mengutamakan kesihatan dan

keselamatan pelajar, pendidik, kakitangan pendidikan, keluarga, dan masyarakat di umum, dalam konteks memenuhi pendidikan perkhidmatan semasa pandemik (Jusriati et, al. 2021).

Kesan daripada pandemik ini maka satu tindakan drastic perlu dilakukan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPTM) bagi menjamin kelangsungan system penyampaian maklumat kepada pelajar. Satu Prosedur Operasi Standard (SOP) telah dijana untuk mengendalikan urusan pemantauan pelajar terutama pelajar yang berada di industri. Justeru satu Garis Panduan Pengurusan Operasi Politeknik Dan Kolej Komuniti Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Akibat Pandemik Covid-19 pada 30 Jun 2020 telah dihasilkan dan digunapakai untuk menguruskan operasi pemantauan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa. Mengikut SOP yang telah berkuatkuasa pelajar yang sedang menjalani *Work Based Learning* (WBL) dan sedang mengikuti latihan di industri boleh dipantau secara atas talian mengikut kesesuaian kursus yang ditawarkan begi memudahkan interaksi antara institusi dan pelajar. Oleh yang demikian, keterbatasan interaksi antara pelajar diindustri dan diinstitusi telah wujud dan satu medium perantaraan perlu diwujudkan untuk memudahkan pengurusan dokumen pelajar yang terlibat.

Model Penerimaan Teknologi (TAM) merupakan satu model yang sangat popular dalam menentukan penerimaan sebarang teknologi dalam kalangan pengguna. Idea model TAM ini awalnya ditemui oleh Davis (1989) dalam kajiannya untuk menerangkan perihal penerimaan teknologi computer berdasarkan satu teori yang jelas. Model asal dibangunkan oleh Ajzen & Fishbein (1980) dan seterusnya dikembangkan lagi oleh pengkaji lepas (Lu et al., 2003; Davis, 1989; Venkatesh et al., 2003). Rajah 1 menunjukkan kaitan antara pembolehubah yang diukur dalam TAM.



Rajah 1: Model Penerimaan Teknologi (TAM)

Terdapat banyak kajian yang lepas mengkaji tentang penggunaan teknologi dalam pembelajaran maya antaranya Model Intruksional *E learning* Magdalena, et, al.,2020), Laman Web (Website) Menggunakan Google Sites (Kirin et, al.,2021), Media Pembelajaran Interaktif Berbasis Android (Nurfadhillah et, al.,2021) dan Media Audio Visual (Nurfadhillah et, al.,2021). Penggunaan platform maya dilihat sebagai satu alternatif penyelesaian masalah ini. Banyak platform maya yang boleh digunapakai bagi tujuan pembelajaran maya. Antara platform yang sering digunakan adalah aplikasi *Zoom*, *Weber*, *Microsoft Team*, *google classroom* dan lain-lain. Manakala *Google Sites* ialah platform di Google yang membenarkan pengguna untuk membuat laman web dengan mudah. Pengguna boleh memanfaatkan *Google Sites* kerana ia



mudah dicipta dan diurus oleh pengguna biasa. Kemudahan menggunakan google sites yang diolah oleh google ini dapat membolehkan sesiapa sahaja untuk menggunakan atau mencipta *Google Sites*, terutamanya untuk kegunaan dalam pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik Covid-19. Justeru, kajian ini bertujuan untuk membangunkan *google site* bagi pengurusan dokumen pelajar WBL serta menentukan tahap penggunaannya dalam kalangan pelajar WBL.

## 2. Metodologi

Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan berdasarkan pada dua fasa. Fasa pertama adalah fasa pembangunan laman web menggunakan google site. Manakala fasa kedua menentukan tahap penggunaan laman web yang dibangunkan dalam kalangan pelajar. Tahap penggunaan ini dilihat dari empat aspek dalam model Penerimaan Teknologi yang diasaskan oleh Davis (1989) iaitu Persepsi Kemudahan Penggunaan (*Perceived Ease of Use*), Persepsi kegunaan (*Perceived Usefulness*), Sikap Menggunakan Teknologi (*Attitude Towards Using Technology*) dan Niat Perilaku Untuk Menggunakan (*Behavioral Intention to Use*) terhadap penggunaan *Google Sites* dalam pengurusan dokumen yang disediakan kepada pelajar. Instrumen kajian adalah set soal selidik yang mengandungi 20 item berskala Likert yang diadaptasi daripada Davis (1989). Responden terdiri daripada 30 pelajar semester 8 program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam, PUO. Data diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Science* (SPSS) versi 21 untuk mendapatkan peratus dan skor min.

### ***Fasa Pertama: Pembangunan Laman Web***

Google Sites adalah laman *website* peribadi ataupun profesional yang berfungsi sebagai saluran infomasi yang dibangunkan dibawah Google. Aplikasi ini mudah digunakan dan setiap individu yang mempunyai akaun google mail boleh menggunakannya. Berikut merupakan langkah-langkah pembangunan laman web WBL.

#### **a. Buat akaun Google**


Buat akaun atau guna akaun yang sedia ada.

#### **b. Buka Google Sites**

Langkah selanjutnya, layari <https://sites.google.com/new> atau melalui:

- menu “Google apps” yang ada di pojok kanan atas *browser*
- Google Drive → (+) New → More → Google Sites


Setelah itu, paparan seperti Rajah 2 di bawah ini akan tertera.



Rajah 2: Paparan Gsite

**c. Klik (+) atau *template* yang ada**


Klik menu (+) atau buka *Template gallery* dan pilih *template* yang ada seperti Rajah 3 di bawah.



Rajah 3: Paparan template

**d. Mulai buat *website* WBL**

Setelah itu, masukkan semua maklumat yang berkaitan dan ingin dipaparkan dalam laman web tersebut seperti Rajah 4 berikut.



Rajah 4: Paparan maklumat


### ***Fasa kedua: Tahap Penggunaan***

Setelah laman web tersebut berjaya dihasilkan maka ianya diterbitkan atas talian dan diberikan link web kepada pelajar yang sedang menjalani WBL untuk menggunakan laman tersebut bagi perhentaran semua dokumen yang berkaitan. Pelajar diberikan tempoh satu semester untuk melengkapkan semua dokumen serta memuatnaik kedalam *website* WBL tersebut. Seramai 31 orang pelajar WBL terlibat dalam penggunaan website tersebut dan kesemua pelajar ini telah diberikan soal selidik secara dalam talian untuk menentukan tahap penggunaan website yang dibangunkan. Berdasarkan faktor-faktor yang dikenal pasti berkaitan dengan penerimaan teknologi, empat aspek iaitu Persepsi Kemudahan Penggunaan (*Perceived Ease of Use*), Persepsi kegunaan (*Perceived Usefulness*), Sikap Menggunakan Teknologi (*Attitude Towards Using Technology*) dan Niat Perilaku Untuk Menggunakan (*Behavioral Intention to Use*) terhadap penggunaan *Google Sites* dalam pengurusan dokumen. Bagi semua pembolehubah yang dinyatakan di atas, ia diperoleh daripada kajian lepas (Davis, 1989).


### **3. Dapatan**

Hasil pembangunan website boleh dilihat dalam Rajah 5 dan Rajah 6 berikut. Semua maklumat yang perlu dimuatnaik oleh pelajar boleh dilayari melalui *pages* yang disediakan dalam *website* tersebut. Pelajar hanya perlu mengimbas dokumen dan memuatnaik dokumen tersebut dalam kategori yang telah ditetapkan dalam *Gsite* tersebut.





Rajah 5: Website Work Based Learning (WBL)



Rajah 6: Hasil akhir Gsite

Jadual 1 menunjukkan dapatan persepsi pelajar WBL terhadap Gsite WBL. Majoriti pelajar menyatakan setuju (> 80%) dengan penggunaan Gsite dalam pengurusan dokumen. Manakala Jadual 2 menunjukkan tahap penggunaan *Google Sites* sebagai medium pengurusan dokumen oleh pelajar memperoleh min keseluruhan yang tinggi. Selain itu, pelajar juga merasakan pembelajaran berasaskan *Google Sites* adalah senang dan mudah untuk digunakan dan ini memberi manfaat kepada pelajar. Ini menunjukkan pelajar mempunyai kesediaan yang tinggi



terhadap penggunaan *Google Sites* sebagai medium pengurusan dan bersedia dengan sistem pembelajaran berasaskan *e-learning*.

Jadual 1: Persepsi pelajar terhadap Gsite WBL.

Penyataan	Sangat Tidak Bersetuju	Tidak Bersetuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
<b>Persepsi Kemudahan Penggunaan (<i>Perceived Ease of Use</i>)</b>					
Menggunakan gsite meningkatkan kecekapan saya dalam mengurus dokumen	0(0%)	0(0%)	2(6.5%)	3(9.7%)	26(83.9%)
Menggunakan gsite meningkatkan prestasi saya dalam mengurus dokumen	0(0%)	0(0%)	2(6.5%)	6(19.4%)	23(74.2%)
Menggunakan gsite meningkatkan produktiviti tugas saya	0(0%)	0(0%)	1(6.5%)	6(19.4%)	24(77.4%)
Saya dapati Gsite WBL sangat berguna	0(0%)	0(0%)	2(6.5%)	5(16.1%)	24(77.4%)
<b>Persepsi kegunaan (<i>Perceived Usefulness</i>)</b>					
Saya dapati menggunakan Gsite WBL sangat mudah	0(0%)	0(0%)	2(6.5%)	5(16.1%)	24(77.4%)
Saya dapati belajar menggunakan Gsite WBL sangat mudah	0(0%)	0(0%)	1(6.5%)	4(13.3%)	25(83.3%)
Saya dapati interaksi dengan Gsite WBL jelas dan difahami	0(0%)	0(0%)	2(6.5%)	8(25.8%)	21(67.7%)
Saya dapati mudah menguruskan dokumen dengan Gsite WBL	0(0%)	0(0%)	3(9.7%)	4(13.3%)	24(77.4%)
<b>Sikap Menggunakan Teknologi (<i>Attitude Towards Using Technology</i>)</b>					
Saya berhasrat untuk menguruskan dokumen dengan Gsite WBL	0(0%)	0(0%)	4(13.3%)	3(9.7%)	24(77.4%)
Saya akan selalu menguruskan dokumen dengan Gsite WBL	0(0%)	0(0%)	4(13.3%)	3(9.7%)	24(77.4%)
Saya akan kerap menggunakan Gsite WBL	0(0%)	0(0%)	6(19.4%)	2(6.5%)	23(74.2%)
<b>Niat Perilaku Untuk Menggunakan (<i>Behavioral Intention to Use</i>)</b>					
Gsite WBL menjadikan urusan penghantaran dokumen WBL lebih menarik	0(0%)	0(0%)	2(6.5%)	6(19.4%)	23(74.2%)
Gsite WBL menjadikan urusan penghantaran dokumen WBL lebih ceria	0(0%)	0(0%)	4(13.3%)	3(9.7%)	24(77.4%)
Saya suka menggunakan Gsite WBL	0(0%)	0(0%)	4(13.3%)	4(13.3%)	23(74.2%)
Saya sentiasa mengambil peluang untuk menguruskan dokumen menggunakan Gsite WBL	0(0%)	0(0%)	4(13.3%)	3(9.7%)	24(77.4%)



Jadual 2: Tahap Penggunaan Gsite WBL

Penggunaan	Min	Interpretasi
Persepsi Kemudahan Penggunaan ( <i>Perceived Ease of Use</i> )	4.73	Tinggi
Persepsi kegunaan ( <i>Perceived Usefulness</i> ),	4.70	Tinggi
Sikap Menggunakan Teknologi ( <i>Attitude Towards Using Technology</i> )	4.61	Tinggi
Niat Perilaku Untuk Menggunakan ( <i>Behavioral Intention to Use</i> )	4.64	Tinggi

#### 4. Perbincangan

Dapatan persepsi pelajar WBL terhadap Gsite WBL hasil dari soalselidik kepada pelajar sebagai respondent seramai 31 orang semester 8 yang menggunakan google site ini menunjukkan majoriti pelajar menyatakan setuju (> 80%) dengan penggunaan Gsite dalam pengurusan dokumen yang melibatkan empat persepsi pelajar di mana pelajar bersetuju melebihi 80%, dalam persepsi Kemudahan Penggunaan (*Perceived Ease of Use*), Persepsi kegunaan (*Perceived Usefulness*), Sikap Menggunakan Teknologi (*Attitude Towards Using Technology*) dan juga Niat Perilaku Untuk Menggunakan (*Behavioral Intention to Use*). Bagi persepsi pertama iaitu Persepsi Kemudahan Penggunaan (*Perceived Ease of Use*), majoriti pelajar menyatakan setuju (> 80%) dalam perkara meningkatkan kecekapan dan prestasi dalam mengurus dokumen, mampu meningkatkan produktiviti tugas dan sangat berguna sebagai satu kemudahan penggunaan dikalangan pelajar dalam satu platform. Persepsi kedua iaitu Persepsi kegunaan (*Perceived Usefulness*), majoriti pelajar menyatakan setuju (> 80%) dalam perkara Gsite WBL sangat mudah digunakan dan juga platform yang mudah untuk berinteraksi, jelas dan senang difahami disamping mudah dan jelas dalam menguruskan dokumen dikalangan pelajar. Persepsi ketiga iaitu, Sikap Menggunakan Teknologi (*Attitude Towards Using Technology*), menunjukkan majoriti pelajar berhasrat untuk menguruskan dokumen dengan Gsite WBL, akan selalu menguruskan dokumen dengan Gsite WBL, kerap menggunakan dan mengurus dokumen dengan Gsite WBL. Persepsi ke empat iaitu Niat Perilaku Untuk Menggunakan (*Behavioral Intention to Use*), menyatakan setuju (> 80%) dalam perkara Gsite WBL menjadikan urusan penghantaran dokumen WBL lebih menarik, lebih ceria serta suka dan sentiasa mengambil peluang untuk menguruskan dokumen menggunakan Gsite WBL dan akan kerap menggunakan Gsite WBL. Dapatan untuk tahap penggunaan *Google Sites* sebagai medium pengurusan dokumen oleh pelajar memperoleh min keseluruhan yang tinggi dalam Persepsi Kemudahan Penggunaan (*Perceived Ease of Use*), Persepsi kegunaan (*Perceived Usefulness*), Sikap Menggunakan Teknologi (*Attitude Towards Using Technology*) dan Niat Perilaku Untuk Menggunakan (*Behavioral Intention to Use*) dalam Gsite WBL.

Penggunaan *Google Site* sebagai medium pengurusan dokumen dalam kalangan pelajar WBL di PUO memberi faedah yang sangat berguna kerana ianya adalah satu medium perantaraan untuk memudahkan pengurusan dokumen pelajar menjadi lebih mudah digunakan, teratur dan jelas dan mudah difahami. Semua pelajar lebih jelas berinteraksi dengan platform ini dan tidak mudah terlepas pandang dokumen yang sepatutnya di kumpul, *upload* ataupun *download* mengikut keperluan dalam masa yang ditetapkan kerana masa menjalani WBL di industri adalah 40 minggu setiap semester selama dua semester yang membawa beberapa





kursus bersama sudah pasti perlu menyelesaikan banyak dokumen sepanjang waktu tersebut. Penggunaan *Google Site* Sebagai medium Pengurusan Dokumen Dalam Kalangan Pelajar WBL di PUO memberi impak yang baik kepada pelajar WBL di mana mereka merasa lebih teruja dan menarik, suka, ceria dan sentiasa akan menggunakan *Giste WBL* dalam pengurusan dokumen kerana ianya lebih teratur, mudah dan jelas selaras dengan dapatan yang majoriti pelajar bersetuju *Gsite* ini adalah medium pengurusan dokumen yang berkesan serta dapat meningkatkan kecekapan dan prestasi dalam mengurus dokumen, mampu meningkatkan produktiviti tugas serta ianya sangat berguna sebagai satu kemudahan penggunaan dikalangan pelajar dalam satu platform.

## 5. Rumusan

Rumusan yang boleh dibuat dalam Penggunaan *Google Site* Sebagai medium Pengurusan Dokumen Dalam Kalangan Pelajar WBL di PUO ialah dimana para pelajar mempunyai kesediaan yang tinggi terhadap penggunaan *Google Sites* sebagai medium pengurusan dokumen dan bersedia dengan sistem pembelajaran berasaskan *e-learning*. Ini jelas dari persepsi sikap menggunakan teknologi menunjukkan majoriti pelajar berhasrat, selalu dan kerap untuk menggunakan dan mengurus dokumen dengan *Gsite WBL(BCT)*. Keterbatasan interaksi antara pelajar yang menjalani WBL di industri dan di institusi iaitu PUO semasa Pandemik *Covid 19* telah membuka ruang mewujudkan satu medium perantaraan untuk memudahkan pengurusan dokumen pelajar yang terlibat melalui *google site* yang di bangunkan sebagai platform maya yang boleh digunapakai bagi tujuan pembelajaran maya. Ianya amat berkesan sebagai satu kaedah baharu dalam *e-learning*. Selain itu, pelajar juga merasakan pembelajaran berasaskan *Google Sites* adalah mudah untuk digunakan, mudah belajar, mudah mengurus dokumen kerana interaksi adalah jelas dan mudah difahami. Seterusnya pelajar juga mempunyai niat perilaku yang tinggi untuk menggunakan *Gsite WBL BCT* yang dapat memberi manfaat kepada pelajar terutama dalam menguruskan dokumen yang pelbagai semasa 80 minggu dalam dua semester menjalani WBL di industri kerana majoriti pelajar bersetuju bahawa berinteraksi dengan menggunakan platform *Gsite WBL BCT* ini adalah jelas dan mudah difahami. Selain dari itu pelajar tidak mudah terlepas pandang dokumen yang sepatutnya di kumpul, dimuatnaik ataupun dimuat turun mengikut keperluan dalam masa yang ditetapkan. Secara keseluruhannya; tahap penerimaan kemudahan penggunaan, kegunaan, menggunakan teknologi dan perilaku menggunakan *Gsite WBL* amat tinggi dikalangan para pelajar WBL untuk program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (*BCT*) di PUO.



## Rujukan

Magdalena, I., Firdaus, C. C., Roshalia, D. R., & Habibah, S. U. (2020). Pelaksanaan Model Instruksional E-Learning pada Era Covid-19 di SD Negeri Bugel 1. *PENSA*, 2(3), 440-450. <https://doi.org/10.36088/pensa.v2i3.1019>

Kirin, A., Sutimin, H., Pong, T., Poh, L., & Marpuah, S. (2021). Membina Laman Web (Website) Menggunakan Google Sites Untuk Kelestarian Ekonomi. *JPPM Kepri: Jurnal Pengabdian Dan Pemberdayaan Masyarakat Kepulauan Riau*, 1(1), 24-34. <https://doi.org/10.35961/jppmkepri.v1i1.187>

Nurfadhillah, S., Rachmadani, A., Salsabila, C. S., Yoranda, D. O., Savira, D., & Oktaviani, S. N. (2021). Pengembangan Media Pembelajaran Interaktif Berbasis Android melalui Aplikasi Quiziz pada Pelajaran Matematika VI SDN Karang Tengah 06. *PENSA*, 3(2), 280-296. <https://doi.org/10.36088/pensa.v3i2.1359>

Nurfadhillah, S., Hidayati, N., Effendi, H., Sabila, R., & Umroh, S. (2021). Pengembangan Media Audio Visual Pembelajaran Matematika di Era Pandemi Covid-19 di SDN Pangakalan 4. *PENSA*, 3(1), 166-175. <https://doi.org/10.36088/pensa.v3i1.1275>

Jusriati., Nasriandi., Kurniadi, W., Ratna. (2021). The implementation of Google site as e-learning platform for teaching EFL during covid-19 pandemic. *English Review: Journal of English Education*, 10(1), 129-138. doi: <https://doi.org/10.25134/erjee.v10i1.5363>.

Davis, F. D. (1989). Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, and User Acceptance of Information Technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319–340. <https://doi.org/10.2307/249008>

Venkatesh, V., Morris, M. G., Davis, G. B., & Davis, F. D. (2003). User acceptance of information technology: toward a unified view. *MIS Quarterly*, 27(3), 425-478.

Ajzen, I., & Fishbein, M. (1980). *Understanding attitudes and predicting social behavior*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

Lu, J., Yu, C., Liu, C., & Yao, J. E. (2003). Technology acceptance model for wireless Internet. *Internet Research: Electronic Networking Applications and Policy*, 13, 206-222.